

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATO' SERI DR. HILMI BIN HAJI YAHAYA
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN BARAH USUS BESAR

TEMPAT
PERUMAHAN AWAM SERI SABAH 3A & 3B, CHERAS,
KUALA LUMPUR

TARIKH
13 APRIL 2014 (AHAD) @ 9.00 AM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha, Dr. Christina Ng
Presiden & Pengasas EMPOWERED - Persatuan Advokasi Kanser
Malaysia,

Yang Berusaha, Pn. Hj. Yatela Zainal Abidin
Wakil dari Yayasan Sime Darby selaku penaja utama untuk Kempen
Barah Usus Besar 2014 oleh EMPOWERED

Yang Mulia, Raja Rahim bin Raja Muhaiddin
Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sabah 3A,

Yang Berusaha, Tuan Haji Zainal Abidin bin Abdul Wahab
Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Awam Seri Sabah 3B,

Yang Berusaha, Puan Hamimah binti Mohd Said
Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Perumahan Awam Seri Sabah 3B,

Wakil- wakil dari rakan- rakan usaha bersama EMPOWERED dan wakil- wakil untuk penaja-penaja yang lain.

Ahli-ahli sukarelawan.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak penganjur, iaitu EMPOWERED, di atas jemputan untuk merasmikan program KESEDARAN KANSER USUS BESAR di Perumahan Awam Seri Sabah Blok 3A dan 3B, Cheras, Kuala Lumpur, pada hari ini. Saya turut berasa amat berbesar hati dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua untuk memberikan sokongan terhadap usaha murni ini. Ucapan tahniah kepada EMPOWERED kerana telah berjaya menganjurkan program ini, yang sememangnya merupakan satu usaha yang terpuji untuk memperkasakan masyarakat, dalam meningkatkan kesedaran dalam pencegahan dan pengesanan awal kanser usus besar.

2. Kesedaran dan pengetahuan yang mencukupi mengenai kanser umumnya dan kanser usus besar khususnya merupakan kunci utama dalam memerangi kanser. Ini adalah supaya kanser dapat dicegah, dikesan awal dan berjaya dirawat dengan berkesan. Namun demikian, kesedaran dan pengetahuan sahaja tidak memberi kesan sekiranya tidak tidak diamalkan. Bak kata pepatah, "Only action is reality".

Tuan-tuan dan puan-puan yang di hormati sekalian,

3. Kanser merupakan salah satu penyakit kronik yang menggerunkan dan boleh menimpa sesiapa sahaja tanpa mengira umur dan jantina. Di dunia ini, kanser merupakan salah satu penyebab kematian yang utama. Laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyatakan bahawa kanser menyumbang kepada lebih dari 7 juta kematian atau 13% dari seluruh kematian yang berlaku pada tahun 2008. Kematian akibat kanser dijangka akan meningkat kepada 13.1

juta pada tahun 2030 sekiranya tiada intervensi dijalankan. Di Malaysia pada tahun 2012, **KANSER** merupakan penyebab kematian keempat paling penting. Ianya merangkumi sebanyak 13.63 peratus daripada semua kematian yang berlaku di hospital-hospital kerajaan dan swasta di seluruh negara.

4. Menurut analisa awal kanser 2007-2011, secara keseluruhan dan tanpa mengira jantina, **KANSER USUS BESAR** merupakan kanser kedua paling penting di Malaysia selepas kanser payu dara. Kanser ini menyumbang sebanyak 13.4% dari keseluruhan kanser yang dilaporkan kepada Registri Kanser Kebangsaan. Kejadian kanser usus besar ini meningkat dengan pertambahan usia dan kebanyakan kes dikesan di kalangan lelaki atau wanita yang berumur 50 tahun ke atas.

Hadirin sekalian,

5. “Mencegah adalah lebih baik dari merawat” atau “prevention is better than cure”. Ini adalah amat benar untuk penyakit kanser. Pada masa ini, kita lihat bahawa kos untuk merawat kanser adalah amat mahal berbanding dengan kos rawatan untuk penyakit-penyakit kronik yang lain.

6. Kira-kira 30 peratus daripada kematian akibat kanser boleh dicegah, di mana ianya dikaitkan dengan lima tingkah laku dan amalan berisiko iaitu, berat badan yang berlebihan, kurang pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran, kurang melakukan aktiviti fizikal, pengambilan tembakau atau merokok serta pengambilan alkohol. Kelima-lima tingkah laku ini merupakan risiko utama kepada kejadian penyakit kronik seperti kanser, termasuk kanser usus besar.

7. Sehubungan itu, KKM amat komited terhadap usaha untuk mengurangkan beban kanser di negara ini. Sejak tahun 1995, berikutan dari pelancaran Kempen Cara Hidup Sihat kelima pada tahun itu, yang memberikan fokus kepada penyakit kanser, KKM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti untuk menerapkan amalan gaya hidup sihat di kalangan rakyat. Walau bagaimanapun, cabaran yang paling utama yang dihadapi adalah untuk mengubah

tingkah laku atau amalan seharian masyarakat kepada gaya hidup yang lebih sihat.

8. Di samping memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan dan kemahiran tentang amalan hidup sihat untuk mencegah kejadian pelbagai penyakit kronik termasuk penyakit kanser, ujian saringan untuk mengesan kehadiran kanser pada peringkat awal merupakan satu langkah yang penting dan membantu meningkatkan peluang supaya kanser dapat dirawat dengan baik dan sembuh sepenuhnya.

9. Peningkatan kadar kematian di kalangan pesakit kanser usus besar adalah berpunca daripada kegagalan untuk mendapatkan rawatan pada peringkat awal. Didapati bahawa kira-kira 60 peratus kes kanser usus besar dikesan pada tahap teruk. Di antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini ialah tahap kesedaran yang masih rendah mengenai kepentingan menjalankan ujian saringan dan pengesanan awal. Di samping itu, terdapat pesakit yang lebih cenderung untuk mendapatkan rawatan alternatif berbanding rawatan di hospital di mana kebanyakan pesakit ini akhirnya akan kembali ke hospital pada peringkat kanser yang telah merebak (*advanced stage*). Ini jelas akan mengurangkan keberkesanan rawatan.

10. Kajian menunjukkan bahawa ujian saringan menggunakan immunological Faecal Occult Blood test (iFOBT), diikuti dengan ujian kolonoskopi boleh menurunkan kadar kematian kanser usus besar sebanyak 33 peratus. Memandangkan kejadian kanser usus besar didapati semakin meningkat di negara ini, pada tahun ini, KKM akan memulakan perkhidmatan saringan kanser usus besar menggunakan iFOBT di klinik-klinik kesihatan terpilih di seluruh negara. Ianya akan diikuti dengan ujian pengesanan menggunakan kolonoskopi, juga di hospital-hospital terpilih. Perkhidmatan saringan kanser usus besar ini mensasarkan lelaki atau wanita berusia 50 hingga 70 tahun tanpa mempunyai gejala.

Tuan-tuan dan Puan –Puan yang di hormati,

11. Saya, bagi pihak KKM ingin menyeru setiap ahli masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama berganding bahu membantu KKM dalam mengurangkan beban penyakit kanser yang ditanggung oleh negara. Justeru itu, kempen-kempen seumpama ini harus dianjurkan secara berterusan, bukan sahaja oleh pihak KKM malahan pihak badan bukan kerajaan dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

12. Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada EMPOWERD di atas komitmen dalam menganjurkan program yang sangat berfaedah ini. Saya berharap program pada hari ini akan mencapai objektifnya dan mampu mencetuskan anjakan paradigma di kalangan golongan sasaran khususnya semua penduduk di Perumahan Awam Seri Sabah Blok 3A dan 3B Cheras.

13. Satu mesej penting yang perlu disebarkan ialah cegah kanser, kesan awal dan dapatkan rawatan dengan segera. Sampaikanlah pesanan saya ini kepada mereka yang tidak berpeluang untuk hadir pada hari ini agar usaha ini akan berterusan dan tidak terhenti di sini sahaja.

14. Seterusnya, dengan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan KEMPEN KESEDARAN KANSER USUS BESAR DI BLOK 3A DAN 3B, PERUMAHAN AWAM SERI SABAH, CHERAS, KUALA LUMPUR.

Sekian, terima kasih.